

28 Mac 2012

Prof Shaharudin b Datuk Hj Ali
Norzailina bt Md Nordin
d/a KUMPULAN RAJAMENANGIS
58 Jalan SG 7/15,
Taman Seri Gombak,
68100 Batu Caves,
Selangor D.E.

Prof Tan Sri Dato' Wira Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin
Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

PER : BUKU 'AIR MATA RAJA' OLEH KUMPULAN RAJAMENANGIS™

Kami, Kumpulan Rajamenangis (KL) ingin memulakan surat ini dengan ucapan salam penuh takzim dan semoga Prof Tan Sri Dato' Wira Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin berada dalam keadaan sihat sejahtera dan sentiasa dikurnia Ilahi kesejahteraan.

Kumpulan Rajamenangis adalah kombinasi usaha pengelola serta pasukan ahli fikir sejarah, budayawan, ketamadunan Melayu dan rangkaian hubungan kami yang termasuklah rangkaian dikalangan istana, ahli sejarah dan adat, pensyarah dan para intelektual ketamadunan Melayu, ahli politik daripada pelbagai lapangan serta aktivis masyarakat dalam bidang-bidang di atas. Rajamenangis mengkaji aspek-aspek Kesultanan Melayu dulu dan kini, adat istiadat istana, adat resam Melayu, kefahaman dan sistem kepercayaan orang-orang Melayu-Islam dan konsep kedaulatan mereka, kedudukan sosio-ekonomi dan peradaban Alam Melayu sejagat.

Pengelola bersama bagi Kumpulan Rajamenangis adalah Prof (Adj) Shaharudin b Datuk Hj Ali dan Pn Norzailina Mohd Nordin. Sila lawati laman web : www.rajamenangis.com untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Tujuan

Kami memohon pertolongan dan kerjasama pihak universiti dan/atau fakulti untuk membantu memaklumkan dan mengumumkan kepada para pelajar, pensyarah komuniti akademik serta kakitangan universiti tentang buku berjudul **AIR MATA RAJA** yang ditulis oleh kami berdua. Buku tersebut adalah setebal 1000 halaman . Ia adalah sebuah novel epik sejarah silam Kesultanan Melayu Melaka dari kacamata Tun Sri Lanang, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dan telah diterbitkan pada Oktober 2011.



Majlis pelancaran buku tersebut telah disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Melaka dengan kerjasama Institut Kefahaman Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Kebaikan membeli buku AIR MATA RAJA

Buku (karya) ini memperlihatkan bibit permulaan sejarah perjuangan Raja-Raja Melayu sejak kurun ke 14. Barangkali istilah yang lebih tepat ialah ia satu usaha yang mengukuhkan kesinambungan institusi Kerajaan Melayu lama yang mula bertapak di Negeri Melaka dan seterusnya memperkasa bukan sahaja peninggalan cerita-cerita lama Melaka bahkan persona Sultan-Sultan Melaka itu sendiri serta para waris mereka yang berdaulat.

Maka diatas dasar itu, lalu dipersembahkan sebuah novel yang memperhalusi penggunaan gaya bahasa yang menyegarkan disamping mengharungi peristiwa penuh debar yang pernah atau dibayangkan pernah berlaku di bumi Melaka dan Tanah Melayu. Rentetan itu adalah penghasilan sebuah karya novel-sejarah yang diolah sedemikian rupa agar ia hadir dalam mainan bayangan minda si pembaca dan terjerumuslah dia dalam kekusyukan menghayatinya.

Sesungguhnya, karya ini diniatkan oleh penulis-penulis sebagai karya besar dalam bentuk genre *historical-fiction* yang mengambil masa tiga tahun untuk difikirkan dan diikhtiarkan. Tidak syak lagi, intinya hendaklah memikul beban membawa mesej kehebatan bangsa dan Rajanya disekalian lubuk jiwa dan sekaligus mencerahkan suasana sastera negara. Ada pun karya ini dirancang agar menjadi satu karya besar moden.


Risalah

Bersama ini juga kami sertakan risalah/pamphlet tentang buku tersebut untuk diedarkan oleh pihak universiti/fakulti. Pihak universiti/kolej/fakulti boleh membuat pesanan terus melalui emel yang diberikan atau kirimkan e-mel kepada kami: rajamenangis@gmail.com

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas

Bagi pihak KUMPULAN RAJAMENANGIS


.....
(Nor Zailina bt Md Nordin)
Tel : 0125275229 / 0361770070

- BIODATA PENULIS -



Nama sebenar Shaharudin Haji Ali, ialah Shaharudin bin Daruk Hj Ali, anak jati Johor. Beliau mendapat pendidikan awal di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Seorang lulusan kepegamaan, dan sekembalinya dari England, beliau meneruskan latihan undang-undang di Universiti Malaya. Beliau pernah menyandang jawatan Timbalan Pendakwaraya di Jabatan Peguam Negara, dan dipanggil masuk ke Badan Peguam dalam tahun 1991. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang undang-undang, undang-atur dalam sektor korporat. Beliau pernah menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd, dan Ketua Pegawai Eksekutif di Majlis Peguam Malaysia dan lain-lain. Beliau juga seorang Adjunct Professor di Fakulti Undang-undang, di salah sebuah universiti tempatan.

Beliau adalah ahli beberapa pertubuhan, antara lainannya ialah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Sejarah Malaysia; Badan Bertindak Perpaduan Melayu Malaysia; Persatuan Radio Amatir Keceemasan; English Speaking Union Malaysia; National Geographic Society Antarabangsa; Persatuan Murid Tua Kolej Melayu Kuala Kangsar; Persatuan Menembak Selangor, dan giat dalam kajian sejarah seradaban Melayu dan Inggeris. Beliau juga melibatkan diri dalam kegiatan sukarela masyarakat. Beliau pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Penetiran Dewan Bahasa dan Pustaka selama tiga tahun dalam tahun 2004-2007. Beliau seorang pencinta buku, kemasteraan Melayu dan bahasa Inggeris, ilmu sejarah dan undang-undang serta filosof perundangan.

Shaharudin juga adalah pengelola laman blog www.rajamenangis.blogspot.com dan www.rajamenangis.com, sebuah blog dan laman sesawang yang mendedar dan memperkasakan institusi raja-raja Melayu, warisan bangsa Melayu, Islam, adat istiadat budaya Melayu dan sejarah ulam Tanah Melayu.

Kedua-dua ibu bapa beliau adalah bekas guru veteran yang mencatat karier yang gemilang.

- BIODATA PENULIS -



NORZAILINA NORDIN lahir di Kerari, Bempong, Pahang dalam tahun 1962. Beliau mendapat pendidikan awal di Assunta Convent, Kuantan dalam tahun 1969-1974, SMP Tg Afan pada tahun 1975-1977, dan SMP Methodist Kuantan pada tahun 1978-1979. Dalam tahun 1980, Norzailina melanjutkan pelajaran di Cardiff Tutorial College, Wales, United Kingdom dan mendapat keperluan cemerlang dalam subyek Ekonomi dan Geografi.

Ketika berkhidmat sebagai guru di SK FELDA Mata Ayer, Perlis, beliau telah memenangi hadiah dalam Pertandingan Menulis Esai Matematik yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Malaysia. Mulai tahun 1986, beliau mencipta nama dalam bidang penulisan dengan memenangi beberapa hadiah Pertandingan Cepep anjuran Berita Publishing dan Marwila Publisher.

Sejak tahun 1992, Norzailina mula memasuki bidang kulinari dan penulisan secara profesional. Beliau juga giat menulis skrip untuk beberapa rancangan masakan televisyen tempatan. Beliau mempunyai ruang sendiri dalam akhbar, Kosmo sejak tahun 2006 dan dalam Berita Minggu (Singapura) sejak tahun 2009. Sepanjang penglibaran dalam bidang penulisan dan kulinari, beliau muncul dalam hampir 80 rancangan di radio dan TV di Malaysia, Singapura dan Brunei.

Norzailina telah menghasilkan 23 buah buku masakan dan 26 buah novel dalam pelbagai genre. Antaranya buku kisah betar kanak-kanak berpenyakit genetik, novel untuk remaja sekolah dan sebuah novel yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris.

Beliau turut menerima anugerah 'Penulis Prolifik Alaf 21' untuk tahun 2005 dan 2007, '50 Most Outstanding Authors of Malaysia' sempena Hari Kemerdekaan ke-50, '20 Most Prolific Women Writers of Malaysia' dan buku-buku masakan beliau mewakili negara ke 'Gourmand World Media Awards' untuk tahun 2004 dan 2005.

Norzailina berpengalaman luas dalam bidang terjemahan dan sering dijemput sebagai Fasilitator Bergekl Penulisan di pelbagai sekolah, kolej dan universiti seluruh Malaysia. Selain itu, beliau juga menengadahkan kursus-kursus penulisan dan membentangkan kertas kerja untuk acara Bicera Buku anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau turut menjadi bahan 'kajian' peringkat siswazah oleh pelajar universiti terutamanya dalam bidang penulisan.

Selain itu, beliau juga bergiat cergas sebagai Ahli Persatuan Sejarah Cawangan Selangor, Ahli Dewan Persatuan Melayu Pahang, dan Ahli GAPENA. Beliau juga sering dijemput sebagai juri dalam pertandingan TV serta pelbagai pertandingan masakan pada peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh jabatan kerajaan mahupun swasta.

HAYATI KEUNIKAN SEBUAH KARYA TENTANG

SEJARAH MELAYU DARIPADA PERSPEKTIF BERBEZA

DALAM

*Jejak persuaris
Istana Melaka*

AIR MATA RAJA



RM55.00 ISBN 9789834607807
483 halaman

ASIDURAN BERKAWA

INSTITUT KAJIAN SEJARAH DAN
PATRIOTISME MALAYSIA
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KOPERASI DBP (M) BERHAD



- SYNOPSIS -



Jejak pewaris
Istikom Melaka

AIR MATA RAJA

SBN 9749834607807 # 963 halaman

RM55.00

HAHARUDIN HAJALI & NORZAILINA NORDIN

Buku ini mempertihakkan bibit permulaan sejarah perjuangan raja-raja melayu sejak abad ke-14. Ia satu usaha yang mengukuhkan kesinambungan institusi kerajaan melayu lama yang mula bertapak di negeri melaka dan seterusnya memperkasa bikan sahaja peninggalan cerita-cerita lama melaka bahkan persona sultan-sultan melaka itu sendiri serta para waris mereka yang berduaiat.

Kas dasar itu, dipersembahkan sebuah novel fiksiyen sejarah yang menggunakan gaya bahasa yang menyegarkan di samping menampilkan peristiwa penub debar yang pernah atau dibayangkan pernah berlaku di bumi melaka dan tanah melayu.

Seungguhnya, karya ini diniatkan oleh penulis sebagai karya besar dalam fiksiyen sejarah yang mengambil masa tiga tahun untuk menjana idea, mencari bahan dan menuliskannya. Tidak syak lagi, intinya memikul beban membawa mesej kehebatan raja, bangsa dan negara yang sekali gus untuk turut memeriahkan suasana sastera negara. Diharapkan karya ini dapat menjadi satu karya besar moden.

Tidak kurang pula karya ini turut memartabatkan kehebatan negeri melaka dalam sejarah tanah air dan sebagai satu cerita besar yang mampu mengimbas kembali kisah tanah bertuah melaka dan rajanya. Ia juga dapat dijadikan model sastera-sejarah melayu moden di samping membenarkan doktrin keluhuran dan kesetiaan rakyat kepada raja dan tanah air yang cukup mustahak difikirkan oleh anak bangsa pada era serba moden ini.

Buku ini ditulis menggunakan teknik yang ketara kelainannya kerana ia menghidupkan kembali karakter sebenar di belakang tabir negeri melaka pada abad-abad yang lalu. Di samping itu, ia menjeaki pengisahan tun seri lanang dalam tulisannya pada awal abad ke-17, dengan memasukkan inti babak sejarah yang menyaksikan keruntutan sebuah istana yang menjadi semula segalanya dan perjuangan untuk memperkukuh keutuhan institusi melayu itu.

Buku ini diharapkan mampu mencipta sebuah jenodela untuk pengenalan awal kepada inti pati sejarah silam melaka dan bangsa melayu, di samping mengenal huti budi dan peradaban melayu lama. Selain itu, buku ini diharapkan dapat membuka dan mencabar minda golongan generasi muda yang sering kali melihat sejarah sebagai sesuatu yang membosankan. Moga terpeliharalah unsur-kekayaan cerita sejarah melayu itu sendiri.

- BORANG PESANAN -

Saya berminat untuk memesan buku AIR MATA RAJA seperti butiran berikut:

Jejak Pewaris Istana Melaka AIR MATA RAJA	RM55.00	KUANTITI
		JUMLAH

Harapna sama ini diertakkan bayaran berjumlah RM.

ata nama KOPERASIDBP (M) BHD, dalam bentuk:

() Wang Pos/ Xianman Wang

() Cek Berpalang - ataa nama KOPERASIDBP (M) BHD.

() Bank to ke akaun BAMB 14632010001792 ataa RHB 2-14325-39102714

(Silta seratakan slip bayaran bersama melalui faks atau pos)

BUTIRAN PEMESAN

Nama:

Alamat:

Poskod:, Bandar:

Negeri:

No. Tel. (H/P):, No. Tel. (RUMAH/PEJABAT):

Emel:

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI

KOPERASIDBP (M) BHD - ARAS UTAMA,

MENAKA DBP, JALAN DEWAN RAHASA, 50-460 KUALA LUMPUR

Tel: 03 - 2148 1222, 2148 1352, 2148 1296, 2148 8504

Fax: 03 - 2148 7987

Emel: koopdbp@yahoo.com

DAPATKAN NASKHAH ANDA HARI INI!!!